

01/07/2004

`Kelebihan' pencalonan Kepala Batas, Pekan

By Kadir Dikoh

KETIKA pemilihan tahun 2000, seorang calon Naib Presiden Umno dikatakan berkampung beberapa hari di Alor Star dengan harapan mendapat pencalonan untuk jawatan itu daripada Umno Bahagian Kubang Pasu yang diketuai Presiden parti ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Akhirnya, lagu Zaiton Sameon Menaruh Harapan yang didendangkannya tidak berkumandang di Kubang Pasu. Sebaliknya, bahagian itu mencalonkan Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Pada pemilihan di Perhimpunan Agung Umno 2000 kemudian, ketiga-tiganya menang, menewaskan enam calon lain yang ada antaranya mendapat jumlah pencalonan lebih tinggi. Sesetengah pihak menggelarnya sebagai `Formula Kubang Pasu'.

Dr Mahathir ketika itu dikatakan menyerahkan sepenuhnya kepada perwakilan membuat pencalonan dan langsung tidak memberi sebarang arahan. Itu kisah empat tahun lalu. Kini tumpuan pula diberi kepada pencalonan Umno Bahagian Kepala Batas yang diketuai Pemangku Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Apakah ada di antara calon Naib Presiden kali ini berkampung di Kepala Batas?

Sebarang pencalonan oleh Umno Kepala Batas, terutama bagi jawatan Naib Presiden, sudah pasti dilihat sebagai calon `istimewa' walaupun Pak Lah tidak akan memberi sebarang arahan kepada perwakilannya untuk memilih orang tertentu. Begitu juga dengan pencalonan oleh Bahagian Pekan yang diketuai Najib.

Ini kerana calon itu nanti dijangka mempunyai kelebihan dan isyarat untuk menang.

Hakikat ini diakui oleh dua Naib Presiden yang dijangka mempertahankan jawatan itu, Muhammad dan Muhyiddin dalam temu ramah dengan Berita Minggu baru-baru ini.

Muhammad berkata: "Memanglah seronok kalau nama saya dicalonkan... terpulang kepada perwakilan 23 September nanti siapa yang mereka pilih. Saya fikir pada waktu itu, perwakilan akan memutuskan berdasarkan kriteria calon Naib Presiden yang dipilih bahagian Kepala Batas dan Pekan."

Muhyiddin juga senada dengan berkata: "Bagi sesiapa yang bertanding, sebagai contohnya saya sendiri, memanglah mengharap kalau nama saya turut tersenarai dalam pencalonan di dua bahagian itu. Memang ramai pihak berkata, kalau nama mereka tersenarai, maka ia dapat bonus."

Justeru, mesyuarat Umno Kepala Batas dan Pekan, kebetulan diadakan pada hari yang sama iaitu 18 Julai ini - menjadi perhatian.

Ketua Pemuda Umno Kepala Batas, Datuk Roslan Saidin, berkata Pak Lah sendiri belum memberi sebarang isyarat sama ada mesyuarat Umno Bahagian Kepala Batas pada 18 Julai ini, akan mengambil pendirian berkecuali dengan tidak membuat pencalonan untuk tiga jawatan Naib Presiden pada pemilihan September ini.

Katanya, Pemangku Presiden Umno itu mungkin menyerahkan kepada perwakilan sepenuhnya untuk menentukan siapakah yang layak dicalonkan untuk jawatan Naib Presiden serta 25 jawatan Majlis Tertinggi (MT).

"Kalau Bahagian Kepala Batas membuat pencalonan untuk jawatan Naib Presiden misalnya, ia tidak semestinya diikuti bahagian lain kerana masing-masing ada pendirian tersendiri," katanya yang juga calon `favourite' untuk jawatan Naib Ketua Umno Bahagian Kepala Batas setelah

lebih 80 peratus cawangan di bahagian itu mencalonkannya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Pinang Tunggal berkata, memang tidak dapat dielakkan jika timbul pelbagai andaian apabila tiga nama dicalonkan untuk jawatan Naib Presiden.

Katanya, walaupun Perdana Menteri sendiri tidak terbabit, andaian itu tetap wujud tetapi Abdullah bersikap terbuka dalam isu ini.

Bagaimanapun, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang, Datuk Dr Hilmi Yahaya, berkata bahagian Kepala Batas sewajarnya mengambil sikap berkecuali dalam pemilihan jawatan Naib Presiden.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan itu berkata, sikap berkecuali dapat mengelakkan pelbagai tafsiran termasuk andaian kononnya calon yang dinamakan bahagian Kepala Batas direstui Pak Lah.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Pekan, Datuk Ishak Muhammad, pula berkata soal sama ada bahagian yang diketuai Najib itu mengambil pendirian berkecuali atau tidak belum dibincangkan lagi.

Katanya, ia terpulang kepada Najib dan jika membuat pencalonan untuk jawatan Naib Presiden sekali pun, Umno Bahagian Pekan akan mengemukakan nama yang difikirkan layak.

Setakat ini, belum diputuskan sama ada MT Umno akan bermesyuarat sebelum atau selepas selesai mesyuarat peringkat bahagian nanti.

Mesyuarat bahagian diadakan selama dua minggu antara 8 hingga 22 Julai, dengan kebanyakannya bermesyuarat pada Ahad 11 dan 18 Julai.

Memang dalam Perlembagaan Umno, semua bahagian diwajibkan membuat pencalonan penuh iaitu tiga nama untuk tiga jawatan Naib Presiden dan 25 nama bagi jawatan Majlis Tertinggi (MT).

Perlembagaan juga memberi kuasa kepada MT untuk mengecualikan mana-mana bahagian daripada membuat pencalonan, jika langkah itu dianggap bagi kepentingan perpaduan parti.

Jika MT tidak bermesyuarat sebelum 8 Julai atau 18 Julai, bermakna Umno Kepala Batas dan Pekan, akan membuat pencalonan.

Jika MT bermesyuarat sekali pun, apakah isu ini akan dibincangkan dan keputusan dibuat untuk mengarahkan dua bahagian itu mengambil pendirian berkecuali? Mesyuarat MT Khamis lalu, tidak membincang isu ini.

(END)